

18/01/2000

Rawatan percuma melalui Cuepacs Care

Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Isnin - Kakitangan kerajaan yang menyertai Skim Cuepacs Care berpeluang mendapat kemudahan perubatan dan ambulans secara percuma serta perlindungan insurans rawatan sehingga RM60,000 di hospital swasta seluruh negara.

Setiausaha Agung, Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Manan berkata, kemudahan perubatan itu termasuk perkhidmatan asas, profesional, perundingan perubatan, kecemasan dan perlindungan katastروفik yang merangkumi kos pemindahan organ, kos rawatan bulanan dialisis dan kanser serta khairat kematian kemalangan.

Katanya, sebanyak 45 hospital swasta seluruh negara bersetuju menyediakan perkhidmatan mereka kepada ahli dan jumlahnya dijangka bertambah apabila kad bagi skim berkenaan dilancarkan secara rasmi pada 29 Januari depan.

Cuepacs Care diusahakan secara usaha sama antara Cuepacs dan AMI Insurans Berhad dan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 November lalu di Kangar, Perlis.

"Skim ini diwujudkan untuk membantu kakitangan kerajaan dalam sektor awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan mendapat rawatan terbaik dengan percuma.

"Selain kakitangan, ahli keluarga terdekat termasuk isteri dan anak turut mendapat faedah dari Cuepacs Care," katanya.

Katanya, ketua keluarga yang menyertai skim itu akan mendapat rawatan percuma sehingga RM60,000, manakala isteri sehingga RM40,000 dan RM10,000 untuk setiap anak berumur kurang dari 25 tahun.

"Setiap ahli dikenakan bayaran RM85 setahun bagi perlindungan seorang diri manakala RM250 untuk perlindungan sekeluarga. Setiap bayaran pendaftaran untuk sertai skim Cuepacs Care boleh dibuat secara tunai kepada AMI Insurans Berhad," katanya.

Kakitangan kerajaan yang berumur 18 hingga 60 tahun layak menyertai skim ini walaupun bukan ahli Cuepacs.

"Kami tidak memaksa mereka menjadi ahli. Cuma kami berharap mereka menggunakan peluang ini bagi memastikan ahli keluarga mendapat rawatan terbaik secara percuma," katanya.

(END)